



Bumiputera terima RM8.8b projek MRT

» 19

Kontraktor bumiputera terima RM8.83 bilion projek MRT

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) mengumumkan sebanyak 45 peratus daripada jumlah nilai pakej kerja My Rapid Transit bagi laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Pencapaian ini telah melepasi sasaran awal MRT Corp. iaitu 43 peratus.

Setakat ini, 53 daripada 85 pakej kerja MRT telah diberikan kerajaan dengan nilai projek sebanyak RM19.8 bilion dengan baki-baki iaitu 32 pakej dijangka diberikan menjelang penghujung tahun.

Pengarah Pemegang Saham dan Perhubungan Tanah MRT Corp., Haris Fadzilah Hassan berkata, pihaknya gembira bahawa agenda bumiputera telah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sehingga kini, katanya, kontrak bernilai RM8.8247 bilion telah dianugerahkan kepada kontraktor bumiputera.

"Nilai kontrak tersebut adalah sebanyak 45 peratus daripada jumlah nilai kontrak keseluruhan yang diberikan setakat ini," kata Haris pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awamnya, Amir Mahmood Razak.

Katanya, semua pakej kerja bumiputera adalah tertakluk kepada bidaan kompetitif dengan semua pembida diberi maklumat projek yang sama dan dinilai menggunakan asas yang sama.

Tambah Haris, bagi memenangi anugerah kontrak, syarikat-syarikat ini perlu memenuhi kriteria penilaian yang ketat.

Katanya, ia bertujuan memastikan sya-



HARIS Fadzilah Hassan (kiri) dan Amir Mahmood Razak melihat peta perjalanan laluan MRT dari Kajang hingga Sungai Buloh di pusat penerangan MRT pada sidang akhbar di Plaza TTDI, Kuala Lumpur, semalam.

rikat-syarikat yang mempunyai pengalaman luas dan pengetahuan teknikal tinggi sahaja dipilih.

Haris turut menyatakan bahawa projek MRT mempunyai proses perolehan sehati yang sangat ketat dan penilaian tender akan melalui beberapa peringkat penilaian.

"Kelulusan akhir akan diberikan oleh jawatankuasa perolehan sehati," katanya.

Tambah Haris, dari segi proses penilaian, jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik

akan meneliti pelbagai faktor termasuk kemampuan teknikal, rekod prestasi dan ketahanan kewangan.

Projek MRT melibatkan laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK) sepanjang 51 kilometer iaitu dari bandar utara-barat laut Sg Buloh hingga ke bandar tenggara Kajang.

Apabila siap, projek berkenaan akan terdiri daripada 31 stesen dan memberi perkhidmatan kepada 1.2 juta orang di sepanjang laluan tersebut.